

15/04/2002

Malaysia, Asia Barat pererat kerjasama ekonomi

KOTA TINGGI, Ahad - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke tiga negara Asia Barat iaitu Maghribi, Libya dan Bahrain mulai esok, tidak hanya bertujuan meningkatkan hubungan dua hala, tetapi turut mengeratkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan dengan negara rantau itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kunjungan Perdana Menteri ke Libya dan Maghribi juga bertujuan meningkatkan hubungan diplomatik dan ekonomi yang dilihat masih rendah berbanding Bahrain.

Oleh itu, beliau berkata, lawatan rasmi selama enam hari berakhir 21 April ini di tiga negara Islam terutama ke Maghribi dan Libya diharap dapat membuka peluang dan pasaran baru dari pelbagai bidang terutama ekonomi.

"Ini kerana, kita sudah banyak mengadakan hubungan dua hala dari segi kerjasama dalam beberapa kegiatan ekonomi dengan kerajaan Bahrain.

Antaranya dalam bidang perbankan Islam dan konsesi mencari gali minyak melalui Petronas di perairan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Perwakilan Umno bahagian Kota Tinggi di sini, hari ini.

Ia dirasmikan Naib Presiden Umno yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Syed Hamid yang juga ketua Umno bahagian itu berkata, lawatan rasmi atau lawatan kerja Dr Mahathir, beliau tidak hanya menumpukan kepada usaha meningkatkan hubungan politik saja.

(END)